

10 SEP 1998
Najib-Reformasi
REFORMASI TIDAK PERLU, KATA NAJIB

PEKAN, 10 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berpendapat tidak perlu diadakan reformasi sekiranya ia membawa kepada keruntuhan sistem pemerintahan yang diperjuangkan semenjak negara belum mencapai kemerdekaan.

"Kita tidak tahu apakah yang hendak digantikan itu lebih baik daripada apa yang kita ada sekarang, takut yang dikejar tak dapat, yang dikendong pula tercicir," katanya semasa berucap pada majlis pecah tanah projek penswastaaan pembinaan kelompok rumah guru Chini di sini.

Beliau berkata tidak perlu bagi pihak-pihak tertentu untuk melaungkan reformasi dan menjelajah ke seluruh negara untuk menghasut rakyat bagi menggantikan tradisi yang terbukti membela rakyat hingga hari ini.

Katanya, rakyat seharusnya memberikan sokongan padu dan keyakinan yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kerajaan memandangkan hanya dengan kestabilan politik sahajalah maka segala yang diimpikan akan tercapai.

Najib berkata apa yang dialami sekarang hanya bersifat sementara dan usaha-usaha kerajaan bagi memulihkan ekonomi kini mula menampakkan tanda-tanda pemulihan, contohnya nilai ringgit yang kembali stabil serta pasaran saham yang mulai cergas. -

Katanya, rancangan untuk membangunkan perumahan guru di luar bandar juga merupakan antara contoh bahawa kerajaan peka terhadap keperluan dan kesejahteraan rakyat di kawasan pedalaman.

"Jelas terbukti sistem yang kita ada begitu adil dan mengambil berat terhadap masalah rakyat. Tiada sebab mengapa kita harus menolak sistem sekarang kerana terbukti kita berkemampuan membela rakyat secara berterusan," katanya.

Sementara itu, Badan Perhubungan Umno Pahang akan menggerakkan jentera penerangan parti secara segera bagi memberikan penjelasan kepada anggota-anggota Umno mengenai rasional di sebalik keputusan Majlis Tertinggi Umno memecat bekas Timbalan Presidennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengerusinya, Tan Sri Khalil Yaakob dalam kenyataannya di sini berkata, usaha penerangan itu perlu dilakukan meskipun dipercayai sudah ramai anggota Umno dan rakyat menerima dengan baik keputusan memecat Anwar itu.

Katanya, mesyuarat Badan Perhubungan Umno Pahang Selasa lepas juga menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Dr Mahathir dalam parti dan kerajaan, terutamanya berkaitan isu pemecatan Anwar daripada kerajaan serta Umno.

-- BERNAMA
ROS WAT